

PTPTN anjur Karnival Semarak Kasih Merdeka 2024



NORLIZA (dua dari kiri) bersama Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin melancarkan Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2024 di Bayan Baru semalam.

PETALING JAYA – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menganjurkan Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2024 Bersama HAWA Pulau Pinang semalam.

Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2024 merupakan penganjuran kali kedua yang diadakan setelah penganjuran kali pertama di Dewan Koperasi Sungai Gelugor mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Kata Pengerusinya, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, karnival itu merupakan salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat

PTPTN yang bertujuan meraikan bulan kebangsaan di samping membudayakan penabungan dalam kalangan masyarakat.

“Menerusi karnival ini, PTPTN turut menerapkan nilai kemerdekaan melalui perancangan kewangan yang baik agar masyarakat bebas merdeka daripada hutang.

“Sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, PTPTN telah menyediakan instrumen simpanan terbaik bagi mendorong dan menggalakkan masyarakat membuat penabungan bagi tujuan pendidikan

tinggi anak-anak.

“Sekali gus, mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan, mereka telah ‘merdeka’ daripada membuat pinjaman pendidikan dan menyambung pengajian menggunakan simpanan yang dibuat di Simpan SSPN,” katanya dalam satu kenyataan.

Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2024 menyediakan pelbagai aktiviti seperti pameran jualan usahawan dan rakan kolaborasi, jualan rahmah, klinik memanah, permainan e-sukan dan banyak lagi.

PTPTN anjur Karnival Semarak Kasih Merdeka 2024

PETALING JAYA - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menganjurkan Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2024 Bersama HAWA Pulau Pinang semalam. Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2024 merupakan pengapjuran kali kedua yang diadakan setelah penganjuran kali pertama di Dewan Koperasi Sungai Gelugor mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Kata Pengerusinya, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, karnival itu merupakan salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat PTPTN yang bertujuan meraikan bulan kebangsaan di samping membudayakan penabungan dalam kalangan masyarakat. “Menerusi karnival ini, PTPTN turut menerapkan nilai kemerdekaan melalui perancangan kewangan yang baik agar masyarakat bebas merdeka daripada hutang. “Sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, PTPTN telah menyediakan instrumen simpanan terbaik bagi mendorong dan menggalakkan masyarakat membuat penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak. “Sekali gus, mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan, mereka telah ‘merdeka’ daripada membuat pinjaman pendidikan dan menyambung pengajian menggunakan simpanan yang dibuat di Simpan SSPN,” katanya dalam satu kenyataan Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2024 menyediakan pelbagai aktiviti seperti pameran jualan usahawan dan rakan kolaborasi, jualan rahmah, klinik memanah, permainan e-sukan dan banyak lagi..